

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
JABATAN PERPADUAN NEGARA
DAN INTEGRASI NASIONAL

PELAN ANTIRASUAH

JABATAN PERPADUAN NEGARA
DAN INTEGRASI NASIONAL

2023 – 2027



PELAN ANTIRASUAH

**JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN
INTEGRASI NASIONAL
(OACP JPNIN)**

2023 – 2027



JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL

Aras 7-10, Blok E2, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya
Tel: 03-8883 7000
Faks: 03-8888 8584
www.jpnin.gov.my

HAK CIPTA TERPELIHARA

Sebarang edaran atau penghasilan semula mana-mana bahagian atau keseluruhan kandungan dalam apa jua bentuk adalah dilarang. Sebarang pengeksploitasian untuk tujuan komersial tanpa kebenaran bertulis adalah tidak dibenarkan sama sekali.

PENAFIAN

Maklumat yang terkandung dalam pelan ini adalah khusus untuk kegunaan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dan tertakluk kepada perubahan tanpa sebarang notis. JPNIN tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kesilapan akibat penggunaan maklumat yang terkandung di dalamnya.



ISI KANDUNGAN

05 **SEKAPUR SIRIH, SEULAS PINANG**

06 **PERNYATAAN KOMITMEN**

07 **RINGKASAN EKSEKUTIF**

09 **BAB 1 :
PENGENALAN**

15 **BAB 2 :
ISU DAN CABARAN**

21 **BAB 3 :
MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH**

35 **BAB 4 :
TADBIR URUS OACP**

41 **BAB 5 :
PENUTUP**

43 **RUJUKAN SINGKATAN**



“**Komitmen dan sokongan penuh semua pihak diperlukan bagi memacu JPNIN ke arah sifar rasuah**”

Dato' Haji Che Roslan bin Che Daud
Ketua Pengarah JPNIN





Sekapur Sirih, Seulas Pinang

ASSALAMMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH,

Salam Sejahtera dan Salam Perpaduan,

Terhasilnya Pelan Antirasuah (OACP) JPNIN 2023 – 2027 ini adalah berkat dari usaha semua pihak yang telah memberikan komitmen yang tinggi dengan kerjasama daripada warga JPNIN bagi menyahut seruan Perdana Menteri melalui arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018, Siri 2 No. 1 Tahun 2019 iaitu semua Kementerian, Jabatan dan Agensi Awam perlu mewujudkan OACP untuk mencapai aspirasi supaya **“Malaysia dikenali dengan integritinya, bukan kerana rasuahnya”**.

Pelan ini merupakan dokumen antirasuah di peringkat organisasi yang bertujuan untuk meningkatkan kecekapan tadbir urus dan integriti dalam kalangan warga JPNIN untuk tempoh lima (5) tahun akan datang.

Diharapkan setiap warga JPNIN dapat membudayakan serta memelihara integriti dalam pelaksanaan tanggungjawab dan tugas seharian. Ini termasuklah menolak amalan rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa.

Akhir kata, syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua warga JPNIN yang terlibat khususnya Unit Integriti dalam merealisasikan penghasilan OACP ini. Semoga usaha murni ini dapat membentuk penjawat awam yang berintegriti dan bebas rasuah serta berhasil menyampaikan perkhidmatan awam yang berkualiti.

DATO' HAJI CHE ROSLAN BIN CHE DAUD
Ketua Pengarah
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional






PERNYATAAN KOMITMEN



Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) JPNIN atau OACP JPNIN 2023-2027 merupakan satu dokumen dasar antirasuah yang dihasilkan bertujuan untuk menangani permasalahan dan kelemahan governans, integriti dan antirasuah dalam organisasi. Dokumen ini merupakan satu pernyataan komitmen Jabatan dalam membanteras gejala rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.

Bagi memastikan kejayaan pelaksanaan OACP JPNIN, kami ingin menekankan bahawa semua inisiatif yang telah dikenalpasti perlu dilaksanakan dengan komitmen penuh warga Jabatan. Oleh demikian, OACP JPNIN 2023-2027 akan menjadi panduan kepada semua warga JPNIN dalam melaksanakan tugas dengan penuh amanah, telus dan berintegriti seiring dengan aspirasi negara untuk mencapai status negara bebas rasuah.






RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) 2023-2027 merupakan dasar peringkat Jabatan yang telah dibangunkan selari dengan kehendak Kerajaan yang dinyatakan dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023. Ia juga selaras dengan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 tahun 2018 Siri 2, No. 1 Tahun 2019 berkaitan Pemantapan Governans, Integriti dan Antirasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional. OACP JPNIN 2023-2027 merupakan satu dokumen dasar antirasuah yang menggariskan tindakan menyeluruh dan bersepadu untuk memerangi rasuah. Terdapat lima (5) bab di dalam pelan ini yang menerangkan tentang latar belakang JPNIN, isu dan cabaran dalam menangani rasuah, langkah-langkah bagi memperkasa usaha pencegahan rasuah, tadbir urus Pelan Antirasuah serta rumusan keseluruhan.

Terdapat **4 Bidang Keutamaan** yang dikenal pasti sebagai berisiko iaitu **Pembangunan Masyarakat dan Kesepaduan Sosial, Sumber Manusia, Kewangan dan Perolehan serta Pentadbiran dan Aset**. Merujuk kepada keempat-empat Bidang Keutamaan tersebut, Jabatan ini telah merangka **4 Strategi, 14 Objektif Strategik dan 54 Inisiatif** bagi membolehkan gerak kerja pembentaran rasuah yang menyeluruh. Setiap strategi dan pelan tindakan yang dirangka mengambil kira keperluan kepada pemantapan integriti, pengukuhan governans dan pemerkasaan pencegahan rasuah sama ada melalui perubahan dasar, penambahbaikan melalui sistem dan prosedur kerja, pengukuhan struktur, pemantauan dan pemantapan modal insan. Selain itu, aspek mekanisme pelaksanaan, penyelarasan, pemantauan, penilaian dan semakan semula serta pembaharuan OACP JPNIN turut dijelaskan di dalam pelan ini.

Berdasarkan OACP yang telah dirangka, diharapkan agar OACP ini dapat menjadi panduan kepada warga Jabatan untuk melonjakkan imej JPNIN sebagai sebuah Jabatan yang berintegriti tinggi dan bebas rasuah.






“

**Integriti adalah jalan
lurus yang tidak
memerlukan
peraturan untuk
bersikap jujur dan
telus**

”


Albert Camus





BAB 1

PENGENALAN



“

Wahai orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah SWT dan Rasul-Nya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah (kamu) sedang kamu mengetahui (salahnya).

”

Surah al-Anfal: 27



SEJARAH PENUBUHAN

JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL

- 1** **1969**
Penubuhan Jabatan Perpaduan Negara pada 1 Julai 1969
- 2** **1972**
Kementerian Perpaduan Negara
- 3** **1974**
Lembaga Perpaduan Negara (Jabatan Perdana Menteri)
- 4** **1980**
Jabatan Rukun Tetangga dan Perpaduan Negara (Jabatan Perdana Menteri)
- 5** **1983**
Jabatan Perpaduan Negara (Jabatan Perdana Menteri)
- 6** **1990**
Jabatan Perpaduan Negara (Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan)
- 7** **2004**
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (Jabatan Perdana Menteri)
- 8** **2008**
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan)
- 9** **2009**
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (Jabatan Perdana Menteri)
- 10** **2020**
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (Kementerian Perpaduan Negara)

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) ditubuhkan pada 1 Julai 1969 setelah Majlis Gerakan Negara yang dipengerusikan oleh Mantan Perdana Menteri Kedua, Allahyarham Tun Abd Razak memutuskan agar diwujudkan sebuah jabatan untuk memantau isu dan masalah perpaduan kaum yang mengganggu-gugat kestabilan negara dan keharmonian masyarakat pada masa itu.



JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL

VISI



Peneraju Perpaduan dan Keharmonian Negara Malaysia



MISI

Memperkukuhkan Perpaduan dan Keharmonian Negara
Berasaskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara

MOTO




Bersatu Kita Maju



PROFIL KORPORAT ORGANISASI

PERANAN JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL





PROFIL KORPORAT ORGANISASI

FUNGSI TERAS, SOKONGAN DAN SENARAI PEJABAT JPNIN NEGERI

FUNGSI TERAS JPNIN

• Bahagian Perhubungan Masyarakat dan Kejiranan	• Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional (IKLIN)
• Bahagian Kesepaduan Sosial dan Integrasi Nasional	• Bahagian Dasar dan Perancangan
• Bahagian Pengurusan Perpaduan	• Bahagian Keharmonian Antara Penganut Agama

FUNGSI SOKONGAN JPNIN

• Bahagian Khidmat Pengurusan	• Bahagian Korporat
• Bahagian Teknologi Maklumat	• Unit Integriti

PEJABAT JPNIN DI NEGERI-NEGERI

• Perlis	• Selangor	• Kelantan	• Sarawak
• Kedah	• Negeri Sembilan	• Terengganu	• WP Kuala Lumpur
• Pulau Pinang	• Melaka	• Pahang	• WP Putrajaya
• Perak	• Johor	• Sabah	• WP Labuan



FUNGSI TERAS UNIT INTEGRITI

Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2013 mengarahkan penubuhan Unit Integriti di semua agensi awam untuk bertindak sebagai *focal point* kepada pengurusan isu-isu berkaitan integriti dalam organisasi. Unit Integriti bertanggungjawab untuk melaksanakan fungsi-fungsi berikut:

1. TADBIR URUS

Memastikan tadbir urus terbaik dilaksanakan di samping menangani isu-isu integriti, terutamanya berkaitan perilaku rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dalam organisasi.

2. PENGUKUHAN INTEGRITI

Memastikan pembudayaan, penginstitutionan dan pelaksanaan integriti dalam organisasi

3. PENGURUSAN ADUAN

Menerima dan mengambil tindakan ke atas aduan berkaitan salah laku, penyelewengan dan rasuah atau pelanggaran tata kelakuan dan etika.

4. PENGESANAN DAN PENGESAHAN


Melaksanakan pengesanan dan pengesahan terhadap aduan salah laku jenayah, pelanggaran tata kelakuan dan etika organisasi yang diterima serta memastikan tindakan susulan yang sewajarnya diambil.

5. PEMATUHAN

Melaksanakan pemantauan ke atas pematuhan undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa serta memastikan tiada ruang dan peluang untuk warga Jabatan melakukan kesalahan daripada segi jenayah, tata kelakuan dan etika.


6. TATATERTIB

Melaksanakan kerja-kerja pengurusan tatatertib dan fungsi urus setia Lembaga Tatatertib berdasarkan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.



BAB 2

ISU DAN CABARAN



“

Daripada Abdullah (Abdullah ibn Mas'ud) daripada Nabi SAW bahawasanya baginda SAW pernah berdoa: “Ya Allah!. Sesungguhnya aku memohon kepada-Mu petunjuk, ketaqwaan, al-iffah (terhindar daripada perbuatan yang tidak baik) dan kecukupan (tidak meminta-minta).

”

HR Muslim, No: 2721



SENARIO RASUAH DI MALAYSIA

Indeks Persepsi Rasuah atau *Corruption Perception Index* (CPI) yang dikeluarkan oleh *Transparency International* merupakan alat ukur global yang digunakan untuk menilai tahap rasuah di dalam negara-negara di seluruh dunia. Skor CPI diberikan berdasarkan pandangan terhadap rasuah dalam sektor awam dan perkhidmatan awam di sesuatu negara. Skor tersebut berkisar dari 0 hingga 100, di mana skor yang lebih tinggi menunjukkan persepsi yang lebih rendah terhadap rasuah. Sejarahanya, Malaysia telah menghadapi beberapa isu berkaitan dengan rasuah dalam pelbagai bidang, dan perubahan skor CPI Malaysia dalam beberapa tahun terkini telah menunjukkan corak yang berbeza.

Laporan CPI pada tahun 2022 menunjukkan Malaysia hanya menaiki satu anak tangga, iaitu pada kedudukan ke-61 daripada 180 buah negara yang dinilai, tetapi skornya turun satu mata kepada 47 mata berbanding tahun sebelumnya. Dari segi kedudukan dalam kalangan negara ASEAN, Malaysia berada di tempat kedua terbaik selepas Singapura yang berada di tangga kelima daripada 180 buah negara dengan skor 83 mata. Dalam hal ini, faktor kestabilan sosioekonomi dan politik memainkan peranan utama dalam mempengaruhi indeks yang akan digunakan dalam menentukan kedudukan *ranking* sesebuah negara.


COUNTRY	COUNTRY SCORES		RANK		SCORE
	2022	2021	2022	2021	
Singapore	83	85	5	4	↓
Brunei	-	-	-	-	-
Malaysia	47	48	61	62	↓
Vietnam	42	39	77	87	↑
Thailand	36	35	101	110	↑
Indonesia	34	38	110	96	↓
Philippines	33	33	116	117	-
Laos	24	23	150	157	↑
Cambodia	24	23	150	157	↑
Myanmar	23	28	157	150	↓




Sumber : Transparency International Malaysia



RAMALAN RISIKO JPNIN



(Sumber : Laporan Pengurusan
Risiko Rasuah (CRM), Kementerian
Perpaduan Negara)





PUNCA UTAMA

RASUAH, PENYELEWENGAN DAN SALAH GUNA KUASA DI JPNIN

Isu integriti dan
kompetensi
dalam kalangan
pegawai

Kepentingan
peribadi /
kronisme / pilih
kasih

Kurang
pengawasan
dan penyeliaan

Sistem
pengurusan,
teknologi dan
penguatkuasaan
yang lemah


Kurang peka dan
patuh kepada
garis panduan
dan peraturan
 sedia ada

Isu luaran
(keberhutangan,
beban hidup &
gaya hidup
mewah)

Tiada pusingan
kerja



(Sumber : Laporan Pengurusan
Risiko Rasuah (CRM), Kementerian
Perpaduan Negara)






KESAN RASUAH

KEPADA INDIVIDU DAN MASYARAKAT



(Sumber : Laporan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM), Kementerian Perpaduan Negara)






“

**Berani menegakkan
keadilan walaupun
mengenai diri
sendiri adalah
puncak segala
keberanian**

”


Buya Hamka





BAB 3

MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH



“

Boleh jadi kamu membenci sesuatu padahal ia amat baik bagimu, boleh jadi pula kamu menyukai sesuatu padahal ia buruk bagimu. Allah mengetahui, sedang kamu tidak mengetahui.

”

Surah al-Baqarah: 211



KEPERLUAN KEPADA OACP

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) mengakui betapa perlunya menangani masalah rasuah, salahguna kuasa, penyelewengan dan salahlaku integriti dalam Jabatan. Kelekaan dan kecuaian untuk menangani masalah rasuah dan integriti di dalam jabatan bukan sahaja boleh menjejaskan imej organisasi malah boleh menyebabkan hasil dan kedaulatan negara tergadai ke tangan pihak yang tidak sewajarnya.

Melangkah ke hadapan, Pengurusan Tertinggi JPNIN telah menetapkan perancangan yang jauh lebih berfokus dan berstruktur untuk memastikan visi “Ke Arah JPNIN Sifar Rasuah” dapat direalisasikan seiring dengan aspirasi Negara supaya “Malaysia dikenali kerana integriti bukannya rasuah”.

Bagi mencapai matlamat tersebut, JPNIN telah menetapkan empat bidang keutamaan serta empat strategi utama bagi menangani risiko rasuah dan salah laku integriti di JPNIN khususnya dalam sektor yang berisiko tinggi seperti sektor Pembangunan Masyarakat & Kesepaduan Sosial, Sumber Manusia, Kewangan & Perolehan serta Pentadbiran & Aset.

Strategi ini akan juga didukung oleh tiga langkah penting iaitu melalui pengukuhan integriti warga, memperkemas tadbir urus sedia ada dan pemerkasaan usaha pencegahan rasuah di JPNIN sejajar dengan kehendak NACP.





PELAN ANTIRASUAH (OACP JPNIN)



11 Inisiatif Jangka Masa Pendek (2023-2024)

5 Inisiatif Jangka Masa Sederhana (2023-2025)

38 Inisiatif Jangka Masa Panjang (2023-2027)



INISIATIF OACP

MENGIKUT BIDANG KEUTAMAAN

BIDANG KEUTAMAAN 1: PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEPADUAN SOSIAL

STRATEGI 1:

Memperkukuh Kredibiliti dan Akauntabiliti Jentera Perpaduan

OBJEKTIF STRATEGIK :

- 1.1 Meningkatkan ketelusan dan kecekapan tadbir urus dan pengoperasian Kawasan Rukun Tetangga (KRT)
- 1.2 Meningkatkan akauntabiliti anggota Skim Rondaan Sukarela (SRS)
- 1.3 Meningkatkan keberkesanan pelaksanaan pengoperasian Taska Perpaduan dan Tabika Perpaduan
- 1.4 Meningkatkan ketelusan pengurusan kewangan Taska Perpaduan dan Tabika Perpaduan
- 1.5 Meningkatkan keselamatan premis Taska Perpaduan dan Tabika Perpaduan

BIL.	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA
1.1.1	Pindaan Akta Rukun Tetangga 2012 [Akta 751] bagi meningkatkan kecekapan dan ketelusan pengoperasian KRT khususnya dalam pemilihan Anggota Jawatankuasa KRT (AJKRT)	BPMK	3 tahun (2023-2025)
1.1.2	Memantapkan mekanisme pemantauan pengurusan dan pentadbiran KRT melalui kaedah Penilaian Keaktifan dan Penarafan Bintang (Star Rating) Rukun Tetangga	BPMK	5 tahun (2023-2027)



BIL.	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA
1.1.3	Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran Pegawai-Pegawai Perpaduan diperingkat Negeri dan Daerah/Bahagian berkaitan tadbir urus dan pengoperasian KRT	BPMK	5 tahun (2023-2027)
1.1.4	Menambah baik Garis Panduan Pemilihan dan Pelantikan AJKRT	BPMK	1 tahun (2023-2024)
1.1.5	Memperkukuhkan daya kepimpinan AJKRT untuk memastikan kecekapan dan keberkesanan kefungsiian KRT dalam komuniti	IKLIN	5 tahun (2023-2027)
1.1.6	Memantapkan pengetahuan AJKRT dalam aspek pengurusan komuniti, pengurusan program/aktiviti dan peraturan/prosedur kewangan	BPMK & IKLIN	5 tahun (2023-2027)
1.1.7	Menyelesaikan isu pemilihan dan pelantikan AJKRT melalui proses mediasi komuniti	BPMK & BPP	5 tahun (2023-2027)
1.2.1	Meningkatkan kefahaman anggota SRS mengenai peranan, tanggungjawab dan peraturan dalam menjaga keselamatan kawasan kejiranan	BPMK	5 tahun (2023-2027)



BIL.	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA
1.3.1	Menambahbaik Buku Pengurusan dan Pentadbiran Tabika Perpaduan sedia ada	BKSIN	1 tahun (2023-2024)
1.3.2	Meningkatkan pengetahuan dan kefahaman mengenai pelaksanaan pengoperasian Taska Perpaduan dan Tabika Perpaduan	BKSIN	5 tahun (2023-2027)
1.3.3	Memantapkan pengurusan operasi Tabika Perpaduan dengan menambahbaik Sistem e-TP	BKSIN	1 tahun (2023-2024)
1.4.1	Meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan kemahiran Pegawai Penyelia / Guru / Penolong Guru / Pendidik/ Pembantu Pendidik berkaitan pengurusan kewangan Taska dan Tabika Perpaduan termasuk tindakan yang boleh diambil sekiranya berlaku salah guna kuasa	BKSIN & IKLIN	5 tahun (2023-2027)
1.4.2	Menerapkan elemen integriti dan nilai-nilai murni kepada Guru / Penolong Guru / Pendidik/ Pembantu Pendidik melalui pelaksanaan kursus / taklimat / perjumpaan	IKLIN	5 tahun (2023-2027)
1.5.1	Menambahbaik fasiliti keselamatan di Taska Perpaduan dan Tabika Perpaduan	BKSIN	5 tahun (2023-2027)



INISIATIF OACP

MENGIKUT BIDANG KEUTAMAAN

BIDANG KEUTAMAAN 2 : SUMBER MANUSIA

STRATEGI 2 :

Mempertingkatkan Kecekapan Organisasi ke Arah Penyampaian Perkhidmatan yang Berkualiti

OBJEKTIF STRATEGIK :

2.1 Mengukuhkan kompetensi, prestasi dan produktiviti pegawai melalui penyediaan latihan, pengurusan perubahan dan pemantauan secara sistematik

2.2 Menyediakan persekitaran kerja yang kondusif, efisien, berkualiti dan mesra ICT

BIL.	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA
2.1.1	Meningkatkan kecekapan, kesedaran dan profesionalisme kakitangan melalui latihan berkala berdasarkan Pelan Tindakan Jabatan	IKLIN	5 tahun (2023-2027)
2.1.2	Memastikan MyPortfolio untuk setiap perjawatan ditambah baik	BKP(CSM)	1 tahun (2023-2024)
2.1.3	Mewujudkan mekanisme penghargaan/pengiktirafan kepada warga kakitangan yang mempamerkan perlakuan dan sikap yang terpuji secara konsisten	BKP(CSM)	1 tahun (2023-2024)



BIL.	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA
2.1.4	Meningkatkan pemantauan secara sistematik oleh penyelia di semua peringkat pentadbiran melalui pewujudan Garis Panduan yang berkaitan	BKP & UI	5 tahun (2023-2027)
2.1.5	Meningkatkan kesedaran dan profesionalisme warga kakitangan dengan memberi penekanan kepada elemen integriti dan nilai-nilai murni	UI	5 tahun (2023-2027)
2.2.1	Menyusun atur semula ruang kerja kakitangan bagi meningkatkan kecekapan	BKP (CPA)	5 tahun (2023-2027)
2.2.2	Menyebar luas pekeliling-pekeliling berkaitan perkhidmatan, Perintah Am dan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam melalui siri taklimat atau hebahan	BKP(CSM) & UI	5 tahun (2023-2027)
2.2.3	Memperkasa dan menambah keahlian AKRAB di Jabatan	BKP(CSM)	3 tahun (2023-2025)
2.2.4	Memperkukuh budaya kerja secara komunikasi terbuka dan dua hala secara bersemuka dan maya	BKP(CSM)	3 tahun (2023-2025)
2.2.5	Meningkatkan kesedaran tentang tanggungjawab dan akauntabiliti sebagai Penyelia di semua peringkat pentadbiran melalui hebahan	BKP(CSM)	1 tahun (2023-2024)
2.2.6	Memastikan pelaksanaan pengisytiharan pekerjaan luar dilaksanakan dengan teratur	BKP(CSM)	1 tahun (2023-2024)



INISIATIF OACP

MENGIKUT BIDANG KEUTAMAAN

BIDANG KEUTAMAAN 3 : KEWANGAN DAN PEROLEHAN

STRATEGI 3 :

Memantapkan Pematuhan Pengurusan Kewangan dan Perolehan

OBJEKTIF STRATEGIK :

3.1 Meningkatkan Pematuhan Terhadap SOP Kewangan

3.2 Memperkemas kecekapan pengurusan perolehan awam dan menambah baik amalan perolehan serta akauntabiliti pegawai yang terlibat dengan urusan perolehan

BIL.	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA
3.1.1	Meningkatkan pematuhan terhadap SOP kewangan	BKP(KP)	5 tahun (2023-2027)
3.1.2	Memberikan penekanan terhadap modul/latihan secara mandatori dan penerapan elemen integriti kepada pegawai yang terlibat dalam pengurusan kewangan dan pentadbiran kewangan	BKP(KP) & IKLIN	5 tahun (2023-2027)
3.1.3	Melaksanakan pemantauan terhadap pematuhan pengurusan kewangan di setiap PTJ	BKP(KP)	5 tahun (2023-2027)



BIL.	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA
3.1.4	Memperkasa tanggungjawab Penyelia di semua peringkat pentadbiran untuk menyemak kewajaran tuntutan	BKP(KP)	5 tahun (2023-2027)
3.1.5	Mewujudkan dan memantau pelaksanaan arahan kawalan dalaman pengurusan kewangan dan perolehan	BKP(KP)	5 tahun (2023-2027)
3.1.6	Memberi kesedaran berterusan berkenaan isu tuntutan palsu melalui ceramah/ hebahan infografik	UI	5 tahun (2023-2027)
3.2.1	Memberikan kefahaman dan kesedaran melalui ceramah integriti dan Ikrar Bebas Rasuah dalam kalangan kakitangan	UI	5 tahun (2023-2027)
3.2.2	Memastikan pengisytiharan harta kakitangan setiap lima (5) tahun sekali dan setiap pemilikan harta baru	BKP(CSM)	5 tahun (2023-2027)
3.2.3	Memberikan kefahaman yang jelas mengenai pekeliling perolehan melalui taklimat / bengkel atau hebahan infografik	BKP(KP)	5 tahun (2023-2027)
3.2.4	Memperkemas garis panduan / prosedur dalaman berkaitan penyediaan kontrak perjanjian dengan menyediakan draf kontrak perjanjian yang standard bagi semua jenis perolehan	BKP(KP)	5 tahun (2023-2027)



INISIATIF OACP

MENGIKUT BIDANG KEUTAMAAN

BIDANG KEUTAMAAN 4: PENTADBIRAN DAN ASET

STRATEGI 4 :

Mempertingkatkan Ketelusan dalam Menyediakan Khidmat Sokongan yang Berkesan

OBJEKTIF STRATEGIK :

- 4.1 Menambah baik keberkesanan dan akauntabiliti pegawai dalam mengurus aset dan khidmat sokongan
- 4.2 Menambah baik keberkesanan dan akauntabiliti pegawai dalam mengurus sewaan
- 4.3 Menambah baik keberkesanan dan akauntabiliti pegawai dalam mengurus kenderaan
- 4.4 Menambah baik keberkesanan dan akauntabiliti pegawai dalam mengurus keselamatan pejabat dan pengurusan dokumen rasmi
- 4.5 Mengoptimumkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)

BIL.	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA
4.1.1	Menambahbaik pelaksanaan prosedur pengurusan aset alih Jabatan melalui naziran aset	BKP(CPA)	1 tahun (2023-2024)
4.1.2	Mengemaskini daftar penggunaan / peminjaman aset alih milik Jabatan dan diselenggarakan secara konsisten	BKP(CPA)	5 tahun (2023-2027)
4.1.3	Mengadakan kursus pengurusan aset dan taklimat pemeriksaan aset kepada pegawai-pegawai berkaitan tatacara pengurusan aset	BKP(CPA) & IKLIN	3 tahun (2023-2025)



BIL.	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA
4.1.4	Menambah baik sistem MyRepair supaya dapat memberi faedah kepada pengguna	BKP(UP)	1 tahun (2023-2024)
4.1.5	Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai yang dengan sengaja menyalahgunakan aset jabatan	BKP(CPA) / UI	5 tahun (2023-2027)
4.1.6	Memberi taklimat berkaitan perlindungan pemberi maklumat <i>Whistleblower policy</i>	UI	5 tahun (2023-2027)
4.1.7	Memberi pengetahuan dan kemahiran dalam pengurusan kewangan peribadi dan kesedaran mengenai risiko keterhutangan yang serius	UI	5 tahun (2023-2027)
4.2.1	Memastikan rekod daftar sewa dikemas kini dan disemak secara bulanan	BKP(CPA)	5 tahun (2023-2027)
4.2.2	Melaksanakan semakan berjadual bagi rekod daftar sewa	BKP(CPA)	5 tahun (2023-2027)
4.2.3	Mengadakan kursus / taklimat berkaitan prosedur dan pengurusan sewaan premis di bawah Jabatan	BKP(CPA) & IKLIN	5 tahun (2023-2027)



BIL.	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA
4.2.4	Meningkatkan pematuhan kepada prosedur kerja berkaitan pengurusan pembayaran	BKP(CPA)	5 tahun (2023-2027)
4.2.5	Meningkatkan pematuhan kepada prosedur / tatacara urusan sewaan ruang pejabat	BKP(CPA)	5 tahun (2023-2027)
4.3.1	Memastikan pematuhan tatacara mengikut prosedur WP 4.1/2013: Pengurusan Kenderaan Jabatan	BKP(CPA)	5 tahun (2023-2027)
4.3.2	Mengadakan bengkel / kursus untuk memberi penjelasan tentang prosedur pengurusan kenderaan	BKP(CPA)	5 tahun (2023-2027)
4.3.3	Melaksanakan pemantauan ke atas urusan pembelian bahan api	BKP(CPA)	5 tahun (2023-2027)
4.4.1	Meningkatkan pematuhan kepada Arahan Keselamatan Pejabat dan Akta Rahsia Rasmi	BKP(CPA)	1 tahun (2023-2024)
4.4.2	Mewajibkan pelaksanaan E-Vetting kepada pegawai yang terlibat secara langsung dengan maklumat terperingkat	BKP(CPA)	1 tahun (2023-2024)
4.4.3	Melaksanakan <i>Non-Disclosure Agreement</i> (NDA) bagi setiap mesyuarat atau prosedur yang melibatkan maklumat terperingkat	BKP(CPA)	5 tahun (2023-2027)
4.5.1	Mengurangkan karenah birokrasi dan meningkatkan kecekapan melalui sistem SISMAP	CTM	3 tahun (2023-2025)




“

**Integrity is doing
the right thing,
even when no one
is watching**

”


C.S. Lewis





BAB 4

TADBIR URUS PELAN ANTIRASUAH



“

Jika kamu berbuat baik (bermakna) kamu membuat kebaikan untuk dirimu sendiri. Dan jika kamu membuat kejahatan, maka (akibatnya) itu adalah untuk dirimu sendiri.

”

QS. Al-Isra': 7



PRINSIP PELAKSANAAN PELAN ANTIRASUAH JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL

Prinsip pelaksanaan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) JPNINI ialah dasar yang dipegang oleh jabatan dalam menentukan hala tuju dan keberkesanan pelaksanaan OACP. JPNIN telah menggariskan tiga (3) prinsip seperti berikut:

PENGURUSAN TERTINGGI

Pengurusan Tertinggi JPNIN bertanggungjawab dalam:

- Menyokong dan memastikan inisiatif yang digariskan dalam OACP tercapai
- Menegakkan dan mematuhi sepenuhnya keperluan undang-undang dan peraturan berkaitan antirasuah yang berkuat kuasa
- Menguruskan risiko rasuah organisasi secara berkesan

URUS SETIA

Unit Integriti selaku urus setia OACP bertanggungjawab dalam:

- Mengurus setiakan Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola (JTK) JPNIN
- Membentangkan Laporan Pencapaian OACP dalam Mesyuarat JTK JPNIN
- Mengemaskini dan memantau inisiatif yang dilaksanakan

PENERAJU & PELAKSANA

Bahagian/Cawangan/Unit bertanggungjawab dalam:

- Melaksanakan pemantauan dan penilaian prestasi, kecekapan dan keberkesanan inisiatif secara berkala
- Memastikan inisiatif dalam OACP dilaksanakan berdasarkan sasaran dan tempoh masa yang ditetapkan
- Mengemukakan pelaporan pelaksanaan kepada urus setia sebelum Mesyuarat JTK




MEKANISMA PENYELARASAN, PEMANTAUAN DAN PENILAIAN





MEKANISME PEMANTAUAN MESYUARAT JAWATANKUASA OACP JPNIN



SEMAKAN SEMULA DAN PEMBAHARUAN PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP)

Semakan semula terhadap keberkesanan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) dijadualkan setahun sekali. Tujuannya adalah bagi memastikan strategi bersama pelan tindakan yang telah dirancang berjaya mencapai objektif. Tindakan pembaharuan terhadap inisiatif pula dijadualkan pada tahun kelima (2027) dan akan dikeluarkan pada tahun berikutnya (2028).



MEKANISME PEMANTAUAN KEANGGOTAAN JAWATANKUASA OACP JPNIN

JAWATANKUASA TATAKELOLA

PENGERUSI:

Ketua Pengarah

AHLI-AHLI:

- Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
- Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)
- Pengarah Bahagian
- Pengarah JPNIN Negeri
- Lain-lain Pegawai Mengikut Keperluan

URUS SETIA:

Unit Integriti

FUNGSI URUS SETIA:

- Membentangkan pelaporan isu JTK mengikut Terma Rujukan
- Menerima Laporan Pemantauan dan Penilaian OACP
- Memperakukan isu dan laporan untuk dikemukakan kepada JTK Kementerian sekiranya berkaitan

JAWATANKUASA OACP

PENGERUSI:

Timbalan Ketua Pengarah
(Perancangan)

AHLI-AHLI:

- Pengarah Bahagian
- Ketua Cawangan/Unit
- Pegawai dari Bahagian/Unit Pelaksana
- Lain-lain Pegawai Mengikut Keperluan

URUS SETIA:

Unit Integriti

FUNGSI URUS SETIA:

- Melantik pegawai pelaksana tetap untuk memantau pelaksanaan pelan tindakan di Bahagian/Unit
- Menyediakan laporan ringkas pada setiap suku tahun dan laporan penuh pencapaian
- Mengemukakan laporan pelaksanaan OACP JPNIN kepada JTK JPNIN




“

**MADANI bukan sahaja
berkisar mengenai
kemampanan, daya
cipta, hormat, keyakinan
dan ihsan tetapi juga
menggariskan tentang
falsafah, nilai-nilai murni
serta integriti dari segi
membina akhlak yang
baik**

”




Datuk Seri Anwar Ibrahim
Perdana Menteri



BAB 5

PENUTUP



“

Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan cara yang salah dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian daripada harta manusia dengan (berbuat) dosa padahal kamu mengetahui (salahnya).

”

QS. Al-Baqarah: 188



KESIMPULAN

Pelan Antirasuah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (OACP JPNIN) 2023-2027 telah dibangunkan selaras dengan inisiatif yang digariskan dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 bagi mendukung usaha pemantapan tadbir urus, integriti dan antirasuah dalam sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan. Matlamat pembangunan OACP ini adalah bagi memastikan agenda pencegahan atau usaha menangani permasalahan rasuah, salah guna kuasa serta penyelewengan di Jabatan dilaksanakan dengan sistematik dan jelas sebagai panduan dan rujukan warga JPNIN.

Sebanyak 54 inisiatif telah digubal untuk dilaksanakan bermula tahun 2023. Bagi memastikan keberkesanan OACP JPNIN, semua inisiatif yang terkandung dalam pelan ini akan dipantau dan dikaji secara berkala. Pelan ini dilihat sebagai satu *living document* yang akan sentiasa dikaji dan dikemas kini mengikut perubahan mahupun perkembangan semasa. Kejayaan pelaksanaan semua inisiatif dalam tempoh lima tahun akan datang bakal menentukan hala tuju Jabatan dalam aspek penambahbaikan tadbir urus, integriti dan antirasuah.





RUJUKAN SINGKATAN



BKP(CPA)	Cawangan Pentadbiran dan Aset Bahagian Khidmat Pengurusan
BKP(CSM)	Cawangan Sumber Manusia Bahagian Khidmat Pengurusan
BKP(KP)	Cawangan Kewangan dan Perolehan Bahagian Khidmat Pengurusan
BKP(UP)	Unit Pembangunan Bahagian Khidmat Pengurusan
IKLIN	Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional
JPNIN	Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
JTK	Jawatankuasa Tatakelola
KSIN	Bahagian Kesepaduan Sosial dan Integrasi Nasional
PMK	Bahagian Perhubungan Masyarakat dan Kejiranan
UI	Unit Integriti



Sekalung Penghargaan

Terima kasih kepada semua pihak yang
terlibat dalam menjayakan penerbitan buku
Pelan Antirasuah JPNIN 2023-2027 ini

DISEDIAKAN OLEH: UNIT INTEGRITI JPNIN



JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL

Aras 7-10, Blok E2, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya
Tel: 03-8883 7000
Faks: 03-8888 8584



www.jpnin.gov.my